

Pusat Sumber DSDN SMK Rancha-Rancha Impian Guru Perpustakaan Dan Media Seluruh Malaysia.



Program julung kali Pertubuhan Guru Perpustakaan Media Malaysia Cawangan Labuan dan Jabatan Pendidikan WP Labuan yang diurusetikan oleh Sektor Sumber Teknologi dan Pendidikan bersama SMK Rancha-Rancha, menganjurkan Seminar Inovasi Pusat Sumber Sekolah Peringkat Kebangsaan berkaitan inovasi dalam pengurusan pusat sumber sekolah.

Pertandingan dan perkongsian yang diadakan mengabungkan semua elemen di atas dalam satu pertandingan besar dengan melibatkan para peserta daripada Guru Perpustakaan dan Media seluruh Malaysia. Seramai 60 peserta seminar telah berkampung di W.P Labuan sejak 8 hingga 10 Jun 2022.

Antara lain pengisian program Seminar Inovasi Pusat Sumber Sekolah peringkat kebangsaan adalah peserta

program telah dibawa melawat ke Pusat Sumber DSDN Sekolah Menengah Kebangsaan Ranca-Ranca.

Pengetua sekolah, Ustaz Wan Azman bin Wan Awang berkata, program lawatan tersebut telah memberi peluang SMK Ranca-Ranca menjalin kerjasama dengan sekolah-sekolah dari seluruh Malaysia khususnya dalam pengurusan Pusat Sumber Sekolah. Perjalanan itu adalah permulaan permuafakatan pendidikan berterusan bagi memartabatkan sistem pendidikan berkualiti.

“Menerusi jalinan ini, lebih banyak ilmu, budaya dan amalan terbaik dapat dikongsi bersama pada masa akan datang,” katanya.



Pengetua sekolah , Ustaz Wan Azman bin Wan Awang Pentadbir serta pelajar SMK Ranca-Ranca amat teruja dengan kehadiran peserta rombongan seawal 7 pagi ke SMK Ranca-Ranca. Sambil menikmati jamuan sarapan pagi, peserta rombongan telah dihiburkan dengan alunan muzik kulintangan.



Ahli rombongan lawatan peserta Seminar Inovasi PSS Kebangsaan 2022

Selepas menikmati sarapan pagi, program lawatan telah diteruskan dengan majlis menandatangani sijil jaringan antara SMK Ranche-Ranche dengan sekolah-sekolah yang datang melawat. Sebanyak 32 buah sekolah dari seluruh Malaysia telah menandatangani sijil jaringan. Antara sekolah yang menandatangani sijil jaringan bersama SMK Ranche-Ranche ialah SMK Saujana Utama Persiaran Saujana 3, SMK Putrajaya Presint 9(2) Putrajaya, SMK Bugaya Sempurna Sabah, SMK Pangiran Omar Sipitang Sabah, SMK Pendamaran Jaya Klang Selangor, SMK Kubong Limbang Sarawak, SM Sains Kuala Selangor, Kolej Vokasional Tawau Sabah dan SMK Permas Jaya Johor.

Sewaktu ucapan balas ketua rombongan iaitu Encik Prasad Ridwan yang juga Naib Pengerusi Pertubuhan Guru Perpustakaan dan Media Malaysia berkata, objektif utama lawatan tersebut diadakan adalah untuk memberi peluang kepada guru perpustakaan dan media melihat pengurusan contoh pusat sumber cemerlang dari aspek pengurusan bilik-bilik khas, pelaksanaan program, dan kemenjadian pengawas pusat sumber sekolah. "Saya juga berharap agar

para guru memanfaatkan pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi mereka pada hari ini dengan sewajarnya “.



Cikgu Prasad Ridhwan, Naib Pengerusi Pertubuhan Guru Perpustakaan dan Media Malaysia

Peserta seminar inovasi PSS Kebangsaan 2022 telah dibawa melawat ke Pusat Sumber DSDN SMK Ranca-Ranca. Pengawas PSS SMK Ranca-Ranca telah mengiringi ahli rombongan dengan memberi penerangan sepanjang lawatan ke bilik-bilik khas PSS DSDN SMK Ranca-Ranca.

Salah seorang ahli rombongan lawatan iaitu Cikgu Zamilah binti Abidin daripada SMK Bugaya Semporna Sabah berkata, beliau sangat kagum dengan PSS DSDN SMK Ranca-Ranca yang mempunyai pelbagai kemudahan yang lengkap untuk kemenjadian pelajarnya. Bilik-Bilik khas telah dilengkapi dengan peralatan teknologi yang canggih dan ditadbir urus dengan cemerlang. Kami amat mengimpikan pusat sumber sekolah seperti ini.

Cikgu Sapri bin Idris merupakan Guru Perpustakaan dan Media SMK Ranca-Ranca berkata, penganjuran aktiviti lawatan itu bertepatan dengan saranan Kementerian

Pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 -2025 yang memfokuskan memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia di samping menjalin kerjasama dengan ibubapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas.



Dari kiri Cikgu Zamilah binti Abidin , Cikgu Sapri Idris dan Cikgu Rina binti Sarabun